

16 FEBRUARY 2025



Cooking Up Success: How MISI Helps Build Your Career

KUALA LUMPUR, 16 February – Malaysian Indian Skills Initiative (MISI)

membuktikan bahawa melalui latihan dan peluang yang tepat, setiap individu berpeluang membina kerjaya yang mampu menjamin masa hadapan, tanpa mengira latar belakang mereka. Salah satu kisah kejayaan melalui MISI ialah apabila Kumaresan, seorang graduan MISI berusia 18 tahun, yang Berjaya mengubah minatnya dalam bidang masakan menjadi satu kerjaya yang stabil.

Berasal dari latar belakang yang sederhana, Kumaresan tidak pernah menyangka bahawa minatnya dalam bidang masakan boleh embantunya mendapat pekerjaan dengan cepat. Namun, selepas menamatkan program kompetensi MISI dalam Seni Kulinari – Makanan Barat di Perai, Pulau Pinang, beliau berjaya mendapat perkerjaan di sebuah restoran berprestij, dengan pendapatan tetap yang stabil, jauh melebihi jangkaannya.

"Saya sangat bersyukur dengan inisiatif oleh Kerajaan Madani ini. Saya tidak pernah terfikir boleh memperoleh pendapatan yang begitu stabil pada usia 18 tahun. Kini saya boleh membantu keluarga dengan pendapatan saya," kata Kumaresan.

Kejayaannya menunjukkan impak program latihan berasaskan kompetensi melalui MISI. Walaupun ramai rakan sebaya Kumaresan masih mencari pekerjaan yang stabil, pencapaian Kumaresan membuktikan bahawa dengan kemahiran yang betul, peluang kerjaya bukanlah sesuatu yang mustahil.

"Orang kata sangat mencabar untuk mendapatkan pekerjaan sekarang, tetapi saya membuktikan yang sebaliknya. Melalui program dlatihan di bawah MISI, anda boleh mendapatkan pekerjaan dengan mudah – dan dengan gaji yang baik. Terima kasih, Kerajaan Madani!" tambahnya.

Program latihan intensif selama lima hari ini telah diadakan dari 4 hingga 8 Disember 2024, bertujuan untuk membekalkan peserta dengan kemahiran kulinari yang bernilai serta memberi mereka peluang pendapatan yang mampan dalam industri makanan. Program ini telah menarik pelbagai

16 FEBRUARY 2025

kumpulan peserta, termasuk lepasan sekolah, suri rumah, pemilik kedai makan, dan usahawan yang ingin meningkatkan atau menambah kemahiran mereka.

Inisiatif ini telah mendapat sokongan kuat daripada YB Dato' Seri Sundarajoo Somu, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang & ADUN Perai, yang telah menghadiri sesi program Latihan ini. Kehadirannya mengukuhkan kepentingan latihan berasaskan kemahiran, dan beliau turut menyatakan penghargaan terhadap YB Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia, atas dedikasinya dalam memperkasa komuniti melalui inisiatif di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Di bawah kepimpinan YB Steven Sim, MISI telah menjadikan misi program ini untuk meningkatkan taraf hidup komuniti India Malaysia melalui peningkatan kemahiran dalam industri berpermintaan tinggi. Sejak dilancarkan pada September 2024, fasa pertama MISI telah melaksanakan lebih daripada 100 program latihan, memberi manfaat kepada lebih 6,000 rakyat India Malaysia.

MISI telah diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam satu wawancara khas sempena Hari Pekerja pada 1 Mei 2024. Dalam pengumuman tersebut, beliau mengesahkan komitmen kerajaan untuk memperkasa komuniti India Malaysia, serta mengumumkan peruntukan dana RM30 juta daripada KESUMA, MITRA, dan Kementerian Kewangan untuk menggerakkan inisiatif ini.

Pada September 2024, MISI telah melancarkan Fasa 1, yang memberi tumpuan kepada latihan teknikal, vokasional, dan berasaskan kemahiran untuk membekalkan individu dengan kepakaran yang relevan dalam industri. Inisiatif ini menawarkan pelbagai kursus latihan yang meliputi bidang berteknologi tinggi dan berpermintaan tinggi seperti Kecerdasan Buatan, Pertanian Pintar, Keselamatan Siber, Teknologi Dron, Teknologi Retort, Penyelenggaraan Superbike, Penyelenggaraan EV, Sains Data, dan banyak lagi.

Dengan setiap kisah kejayaan seperti Kumaresan, MISI terus mengubah kehidupan – satu kemahiran, satu peluang, dan satu impian pada satu masa.

-End-

16 FEBRUARY 2025

Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.